

## SOSIOLOGI PEMBANGUNAN: KOMUNIKASI SOSIAL KOMUNITI KUALA MENDATARI KEHIDUPAN LESTARI

Adlina Abdul Khalil

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
Tel: +60173248156 Email: [adlina@unishams.edu.my](mailto:adlina@unishams.edu.my)

Rosfazila Abd Rahman

Universiti Islam Selangor (UIS)  
Tel: +60123313020 Email: [rosfazila@uis.edu.my](mailto:rosfazila@uis.edu.my)

Jessica Ong Hai Liaw

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Tel: +60123976778 Email: [jessica@upnm.edu.my](mailto:jessica@upnm.edu.my)

Muhammad Ikhwan Ahmad

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
Tel: +601162453084 Email: [ikhwanahmad@unishams.edu.my](mailto:ikhwanahmad@unishams.edu.my)

### ABSTRAK

Perubahan sosial dalam kehidupan seharian adalah rencah hidup yang dilalui setiap individu mahupun masyarakat. Dari sini akan lahir pelbagai ragam manusia di samping perubahan komunikasi yang lain. Dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji norma-norma sosial masyarakat kuala berubah selari dengan perubahan zaman selepas merdeka, sehinggalah era teknologi AI. Keadaan komuniti yang semakin terbuka memungkinkan perubahan norma sosial berlaku bagi generasi muda dan generasi tua. Dalam kajian ini, teknik temu bual dan pemerhatian digunakan untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai realiti kehidupan komuniti kuala. Hampir 12 orang responden terlibat dalam kajian ini dan dibahagikan antara generasi muda dan generasi tua di sebuah kampung pesisir kuala di daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini turut akan melihat fungsi teori Sosiologi iaitu *Structural Functionalisme* dan *Conflict Theory* dalam mendatari kehidupan masyarakat. Sepertimana kehidupan masyarakat yang sentiasa berkembang sudah pasti komunikasi sosial turut berkembang mengikut zamannya. Aspirasi perubahan ini sejajar dengan proses pembangunan negara yang mapan.

Kata Kunci: *Sosiologi Pembangunan; Komunikasi Sosial; Komuniti; Lestari.*

### Pendahuluan

Masyarakat sentiasa berkembang sejajar dengan peredaran zaman. Pembangunan berlaku hasil dari usaha dan ketekunan masyarakat membawa perubahan dalam kehidupan, pembinaan teknologi dan penghasilan idea-idea baru yang secara tidak langsung membantu membangunkan negara. Pembangunan dalam aspek sosiologi merupakan proses transformasi yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Ia merangkumi perubahan dalam aspek ekonomi, politik, sosial dan budaya (Yahaya, 2009). Komunikasi berlaku apabila seseorang individu atau kumpulan menghantar dan menerima mesej. Dunn dan Goodnight (2011) menyatakan komunikasi adalah proses yang melibatkan pengirim, penerima dan pemahaman mesej. Terma komunikasi adalah berbeza antara satu individu dengan individu yang lain bergantung kepada situasi dan suasana. Komunikasi juga berlaku secara terbuka dan berterusan. Terdapat pelbagai jenis komunikasi antaranya adalah komunikasi intrapersonal dan komunikasi interpersonal. Komunikasi intrapersonal bermaksud komunikasi dengan diri sendiri, manakala komunikasi interpersonal adalah komunikasi antara dua individu (Haslina, 2018).

Komunikasi berasal dari perkataan Latin, iaitu *communicator* yang bererti 'menjadikan sama' atau 'berkongsi'. Komponen asas komunikasi adalah sumber, penerima, mesej, saluran dan maklum balas. Dalam komunikasi terdapat beberapa prinsip antaranya adalah komunikasi bermula dengan diri, komunikasi melibatkan orang lain, komunikasi mengandungi dimensi isi dan hubungan dan komunikasi adalah kompleks. Tujuan komunikasi adalah untuk berinteraksi, bertujuan untuk mempengaruhi orang lain dan sebagai sumber menghiburkan orang lain (Mohd. Zin & Mohd Taib, 2012).

Komuniti merujuk kepada sekumpulan individu atau keluarga yang berkongsi nilai, perkhidmatan, institusi, minat ataupun kedudukan geografi yang sama. Pembangunan komuniti menekankan kepada aspek memperkasakan individu dan kelompok dengan cara menyediakan kelompok ini dengan kemahiran-kemahiran yang memberi kesan kepada perubahan komuniti (Zakiah, 2015). Komuniti ialah satu kumpulan orang yang tinggal dan berinteraksi dalam suatu kumpulan atau dalam lingkungan tempat tertentu. Sementara konsep komuniti adalah merujuk kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu. Jika merujuk kepada epistemologi makna perkataan 'Komuniti' adalah berasal dari bahasa Perancis kuno dipanggil 'communité' yang asalnya dari bahasa Latin dipanggil 'communitas' (cum, "dengan/bersama" + munus, "pemberian") (Mohd Syarifudin, Mansor & Ahmad Rizal, et.al, 2017) Komuniti lestari merupakan komuniti yang mengamalkan pembangunan lestari iaitu masyarakat yang mengamalkan cara hidup dan pembangunan yang dipraktikkan oleh masyarakat setempat.

### **Objektif Kajian**

1. Untuk mengkaji faktor berlaku komunikasi sosial komuniti kuala.
2. Untuk mengkaji hubungan sosial yang berlaku dalam komuniti kuala.
3. Untuk melihat proses pembangunan terhadap komuniti kuala.
4. Untuk melihat kesan pembangunan terhadap komunikasi sosial komuniti kuala.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah faktor berlakunya komunikasi sosial?
2. Adakah berlaku hubungan sosial dalam komuniti kuala?
3. Apakah berlaku proses pembangunan dalam komuniti kuala?
4. Apakah kesan pembangunan terhadap komunikasi sosial komuniti kuala?

### ***Conflict Theory***


Kehidupan masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berbeza memungkinkan terdapatnya konflik antara satu sama lain. Karl Marx melihat konflik sentiasa berlaku antara penindas dan orang yang ditindas akibat daripada eksploitasi kuasa (Schaefer, 2008). Marx turut menyatakan perubahan sosial dalam masyarakat adalah disebabkan penguasaan kumpulan revolusi. Kumpulan revolusi di sini merujuk kepada kelas proletariat. Kelas dalam masyarakat mendorong kepada perubahan sosial (Novri, 2019). Seterusnya, menurut Katz dan Kahn (1978) konflik merujuk kepada tindakan menghalang atau mengambil sesuatu dengan paksaan atau tanpa kerelaan oleh individu kepada individu yang lain (Haslina, 2018). Konflik akan melibatkan dua pihak, serta pihak-pihak yang mempunyai nilai dan persepsi yang berbeza. Kemampuan individu seperti ibu bapa, remaja, pekerja, pemimpin dan pelajar untuk mengatasi konflik adalah penting kerana ia akan membawa impak negatif.

**Functionalist Theory**

Berdasarkan pandangan dari Kingsley Davis dan Wibert Moore (1945), dalam masyarakat setiap individu mempunyai fungsi dan peranan tersendiri. Manusia mampu melaksanakan tugas berdasarkan kemampuan diri. Peranan *functionalist theory* adalah pelbagai dalam kehidupan sosial masyarakat. Pelbagai status wujud dalam masyarakat apabila terdapat pelbagai kedudukan dan status dalam komuniti. Durkheim menyatakan situasi ini memerlukan individu bersikap adil, harmoni dan bertolak ansur.

**Model Komunikasi**

Kajian berkaitan komunikasi lebih berkesan jika ia dikaitkan dengan model yang berkaitan dengan kajian. Oleh itu, pengkaji telah memasukkan model yang dianggap hampir sama dengan kajian. Model Ball-Rokeach dan DeFleur digunakan dalam kajian dan merungkaikan banyak perkara berkaitan hubungan sistem sosial dan sistem media terhadap khalayak dan memberi kesan kepada proses kognitif, tingkah laku dan afektif.



**Rajah 1.1:** Model Ball-Rokeach dan DeFleur

Ball-Rokeach dan DeFleur melihat sistem komunikasi wujud dalam sistem sosial. Masyarakat akan sentiasa berkomunikasi antara satu sama lain. Manakala media sosial dilihat sebagai pemberi maklumat kepada masyarakat agar orang ramai mengetahui apa yang berlaku di sekelilingnya. Keberkesanan komunikasi bergantung kepada perhubungan antara ketiga-tiga set pemboleh ubah ini.

Merujuk kepada status sosial, kedudukan individu berbeza antara satu sama lain dan ini membezakan taraf setiap individu. Kedudukan bagi sesetengah golongan masyarakat berlaku apabila ia diwarisi dari satu generasi kepada generasi yang lain. Sistem panggilan kekeluargaan masyarakat Telugu dipengaruhi oleh kasta, umur, keakraban hubungan, jantina dan hubungan kekerabatan (Kaliappan, Mohammad Fadzal & Harishon, 2021). Sepertimana kajian oleh

Sherrylyn & Adnan (2021) menunjukkan pengebumian dalam masyarakat Melanau Likow menitikberatkan banyak perkara seperti kepercayaan, kemampuan ekonomi keluarga dan termasuklah status sosial. Seterusnya, bagi komuniti Dayak Ribun, Perubahan orientasi nilai budaya mempengaruhi pembahagian tugas dalam unit keluarga. Dahulu, anak-anak akan berkhidmat pada keluarga dengan bekerja sebagai petani kecil yang bekerja bersama ibu bapa mereka manakala anak perempuan bekerja di rumah seawal usia remaja. Namun, masyarakat telah berubah dan melihat pendidikan sebagai aset penting untuk kesejahteraan hidup ibu bapa serta kehidupan anak bersama keluarganya (Armia Rizki et.al., 2022).

Di samping itu, sistem media berfungsi sebagai penyampai maklumat yang pelbagai. Sistem media yang digunapakai oleh masyarakat adalah media elektronik dan media cetak. Media boleh memberi kesan kepada masyarakat dalam aspek kognitif. Manusia akan berfikir apabila mendapat sesuatu maklumat dan bukan menerimanya secara terus. Penilaian dan pertimbangan akan dibuat terlebih dahulu terhadap sesuatu maklumat. Sepertimana kajian mengenai proses kognitif, ia akan memberi kesan kepada sikap pembaca berita palsu di media kerana penulis menulis sesuatu yang akan memberi kesan psikologi pembaca (Ummu Hanis et.al., 2021).

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan pendekatan tipologi fenomenologi (*phenomenology*). Menurut Kirk & Miller (1986) penelitian kualitatif adalah tradisi tertentu dalam sains sosial yang pada asasnya bergantung kepada pemerhatian manusia baik dalam bidangnya dan dalam istilahnya. Penyelidikan kualitatif menitikberatkan penceritaan, pengkesahan dan memberi gambaran mendalam terhadap sesuatu fenomena. Hal ini dibuktikan melalui kaedah temu bual secara semi-struktur dan pemerhatian terhadap kumpulan atau individu yang dikenal pasti menyumbang kepada kajian. Manakala tipologi fenomenologi yang digunakan dalam kajian ini juga membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Ini kerana, kaedah penerokaan terhadap pengalaman sebenar yang dilalui oleh responden serta permasalahan sebenar menyumbang kepada hasil dapatan kajian yang berkualiti (Ghazali & Sufean, 2016).

Kaedah temu bual secara semi-struktur dijalankan oleh pengkaji menggunakan instrumen yang mengandungi tema-tema tertentu bagi memperolehi maklumat kajian yang memfokuskan tentang sosiologi pembangunan komunikasi sosial komuniti. Setiap responden menjalani proses temu bual yang dijalankan secara individu mengikut kesesuaian tempat, masa dan kesediaan responden untuk menjalani proses temu bual bagi memastikan risiko bias dikurangkan sekaligus mendapatkan dapatan kajian yang lebih berkualiti. Pengkaji juga membuat '*field notes*' (catatan lapangan) bagi tujuan merekodkan pemerhatiannya atau pernyataan. Tujuan catatan lapangan ini dibuat bagi mengelak berlakunya keciciran maklumat yang diberikan oleh responden. Setiap maklumat yang diterima diletakkan mengikut kod. Kod adalah simbolik kepada sesuatu jawapan yang diberikan. Data yang sama dikelompokkan dalam kod tertentu berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden. Selepas teknik koding selesai barulah maklumat tersebut dianalisa secara naratif dan dibuat kesimpulan (Matthew, Michael Huberman & Johnny, 2014).

Di samping itu, pengkaji memilih pendekatan analisis tematik (*thematic*) sebagai kaedah untuk menjalankan analisa dapatan kajian diperolehi. Kaedah tematik merupakan satu kaedah yang sangat sesuai dan banyak diguna pakai dalam penyelidikan kajian psikologi (Braun & Clarke 2006). Di samping itu, kaedah tematik juga adalah bersifat fleksibel dengan mengguna pakai

pendekatan epistemologi yang membantu pengkaji untuk mendapatkan data kajian yang lebih terperinci (Ghazali & Sufean, 2016).

## Hasil Kajian

Dalam kajian ini, 12 responden yang terdiri daripada 6 orang lelaki dan 6 orang wanita telah terlibat dan menjawab kesemua soal selidik yang telah ditanya oleh pengkaji. Dari aspek demografi, responden yang terlibat berusia antara 16-48 tahun. Pengkaji memilih responden dari pelbagai peringkat usia iaitu remaja hingga orang dewasa serta latar pekerjaan yang berbeza adalah untuk melihat variasi jawapan yang diberikan oleh mereka. Tujuan diletakkan pekerjaan adalah untuk melihat adakah majoriti penduduk kuala menyertai sektor pekerjaan sebagai nelayan atau turut terlibat dalam pekerjaan lain. Seterusnya, latar belakang pendidikan turut dimasukkan untuk melihat tahap pendidikan yang dimiliki oleh kesemua responden. Item terakhir yang terdapat di bahagian demografi adalah asal usul responden bagi mengenal pasti sama ada mereka yang terlibat dalam temu bual ini adalah terdiri dari komuniti asal kuala ataupun orang luar yang berhijrah untuk tinggal di kuala.

### *Kekerapan Komunikasi*

Dalam kajian ini, aspek kekerapan komunikasi dikaji untuk melihat bagaimana ia berlaku antara responden dengan ibu bapa, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Terdapat responden yang berbual dengan kawan-kawan dan ibu bapa setiap hari. Namun ada juga yang berbual antara 1 -3 kali seminggu. Perkara yang dibualkan berbeza, antaranya mengenai keluarga dan kewangan.

“ Saya berkomunikasi dengan ibu bapa dan kawan setiap hari. Kami sering berbincang tentang belanjawan keluarga, isu-isu semasa dan berborak tentang anak-anak...berborak kosong macam ni akan bantu antara satu sama lain selesaikan isu-isu keluarga. Boleh *release tension* kerja”.

(Responden 1, 2024)

“ Rasa boleh tenang sikit kepala bila dapat sembang-sembang dengan ibu ayah. Boleh kongsi masalah di sekolah, pelajaran ...tentang masa depan. Kalau dengan kawan-kawan ni ada masanya boleh bantu kita kongsi apa yang tak faham masa belajar di sekolah. Saya suka bincang dengan kawan-kawan game yang tengah *hot* sekarang”.

(Responden 2, 2024)

Komunikasi bersama-sama orang tua juga berlaku walaupun terdapat perbezaan yang ketara dari segi usia. Kebanyakan responden menunjukkan tingkah laku seperti beradab ketika bersama dengan orang yang lebih tua, mendengar nasihat dan menyayangi serta menziarahi.

“ Kalau berbual dengan orang-orang tua ni kena cakap elok-elok..takut terasa pula. Kalau selisih atau terjumpa bagi salam dan tegur untuk tanya khabar.

(Responden 3, 2024)

“ Kita kalau nak bercakap dengan orang tua-tua tak boleh angkuh...kena jaga hati, penuhi apa yang nenek saya nak. Sembang kosong dengar ja apa yang dia nak cerita walaupun cerita lama. Jangan pula kita bercakap perkara yang boleh sakit hati mereka”.

( Responden 4, 2024)

“Bila bercakap dengan orang tua ni, kadang-kadang ada juga yang terasa hati... saya lari keluar rumah sekejap...hihi bagi hati sejuk. Ada masa saya senyap ja. Orang tua ni makan garam dulu daripada kita”.

(Responden 5, 2024)

#### *Hubungan dengan Ibu bapa*

Oleh kerana senario didikan ibu bapa terhadap anak-anak di rumah berbeza, pengkaji berminat untuk mengkaji orientasi didikan yang diaplikasi oleh mereka. Terdapat pelbagai teknik didikan yang boleh dipraktik dalam sistem keluarga dari aspek psikologi antaranya adalah *autoritarian*, *permisif*, *demokratik*. *Autoritarian* adalah didikan di mana ibu bapa yang membuat keputusan kepada anak-anak bagi setiap perkara. Mereka banyak menggunakan pengalaman didikan oleh ibu ayah mereka sendiri ataupun daripada nenek moyang terdahulu.

*Permisif* adalah cara didikan ibu bapa yang tidak begitu mengambil berat terhadap didikan anak-anak, kurang komunikasi dan tidak begitu menitikberatkan peraturan dalam keluarga. *Demokratik* pula adalah teknik didikan yang mana ibu bapa memberi kebebasan untuk anak-anak membuat pilihan untuk apa-apa perkara (Simangunsong & Sihotang, 2022). Melalui jawapan yang diberikan oleh responden, pengkaji melihat hampir majoriti ibu bapa mengambil berat dan prihatin terhadap anak-anak.

“Ibu lebih banyak berborak berbanding ayah. Ayah saya seorang yang senyap, tak banyak cakap. Banyak nasihat saya terima dari mak atau nenek. Selalunya, diingatkan saya supaya rajin belajar, perlu fikir apa yang akan dibuat di masa hadapan”.

(Responden 6, 2024)

“Mereka sangat ambil berat dan bertanggungjawab, mak ayah saya sangat ambil berat kami adik beradik..bukan pada saya saja. mak paling banyak bagi nasihat berbanding ayah. Selalunya mak akan nasihat supaya tidak terlibat dengan perkara tidak berfaedah dan hal-hal berkaitan hari akhirat”.

(Responden 7, 2024)

“Memang begitu la selalunya ummi yang akan beri nasihat.. ayah tak sangat. Mungkin sebab pengalaman dia lebih banyak dalam mendidik anak-anak. Sebabnya, ummi suri rumah. Selalunya dia akan pesan tentang kehidupan berkeluarga, macam mana nak bergaul dengan jiran-jiran.”

(Responden 8, 2024)

“Ibu ayah saya tak begitu ambil berat tentang saya. Mereka penting diri..bapa tak bagi nasihat apa-apa pun..mak ada la kadang-kadang. Saya rasa macam tak ada sesiapa pun yang ambil berat. Berbeza la dengan mak ayah orang lain. Tapi kalau kena marah tu ada juga lari dari rumah sekejap. Saya dah ada kerja, tak berapa sangat kisah tentang tu”.

(Responden 9, 2024)

#### *Status Sosial*

Komuniti kuala terdiri daripada golongan yang bekerja dalam sektor pekerjaan yang berbeza. Ada yang bekerja sebagai nelayan, pekerja kilang, buruh dan sebagainya. Walaupun mereka terdiri daripada kelompok yang mempunyai pelbagai bidang pekerjaan, namun mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain. Kedudukan atau status sosial yang berbeza ini tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk berinteraksi. Melalui jawapan yang diberikan oleh responden jelas menunjukkan faktor persekitaran mempengaruhi cara mereka berkomunikasi.



“ Di sini, kita selalu ja bersembang, tolong-menolong tak kira siapa dia, apa pekerjaan yang dia buat. Orang tua dan remaja boleh bersembang-sembang dan keluarga menasihati supaya saya bercakap bahasa yang elok-elok”.

(Responden 10 & 11, 2024)

“ Penduduk di sini tak dibezakan kerana takut nanti akan ada yang terasa hati..rasa rendah diri. Semuanya saling hormat menghormati. Kalau bersembang, bahasa yang selalu digunakan oleh kumpulan remaja seperti `kelia`, `kalau lah`, `jom gosip`, `belajar rajin-rajin`”.

(Responden 12, 2024)

## Kesimpulan

Pembangunan dalam komuniti kuala berkembang sejajar dengan perubahan pesat dalam negara. Komuniti ini tidak diabaikan kebajikan dan keperluan mereka. Kepelbagaian asal usul komuniti yang tinggal di sini menjadikan kepelbagaian budaya meresap masuk dalam kehidupan seharian. Komunikasi dalam komuniti ini berlaku sepertimana masyarakat lain. Semuanya bergantung kepada pengalaman dan bagaimana mereka mengadaptasi dengan keadaan sekeliling. Fungsi keluarga dilihat sebagai aspek penting dalam mencorakkan cara komunikasi remaja, orang dewasa dan warga emas. Situasi ini juga mendorong kepada penggunaan perkataan-perkataan baru yang tidak biasa digunapakai oleh komuniti terdahulu.

Seterusnya, jika dilihat kepada model komunikasi dalam rajah 1.1 dapat disimpulkan bahawa sistem sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat. Bapa berfungsi sebagai ketua keluarga akan menentukan sistem keluarga sama ada *autoritarian*, permisif ataupun demokratik. Manakala ibu sebagai pembantu akan membantu melancarkan sistem keluarga yang telah dirancang di awal perkahwinan. Manakala kedudukan keluarga dalam komuniti kuala tidak membataskan interaksi sesama mereka. Walaupun terdapat komuniti kuala yang berasal luar dari kampung tersebut, mereka tetap dilayan sama rata sepertimana komuniti asal. Selain itu, status pekerjaan juga tidak menjadi halangan untuk mereka saling hormat- menghormati dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Melalui kajian, jelas menunjukkan komuniti kuala sentiasa hidup dalam keadaan harmoni kerana wujud perasaan muafakat, sentiasa menjaga hubungan antara satu sama lain. Perkembangan media massa turut membantu komuniti di sini lebih matang dalam menghadapi situasi yang tidak dapat dijangka pada masa hadapan. Perkembangan media diharap akan dapat membantu meningkatkan komunikasi sesama komuniti. Diharap perubahan media yang berlaku akan dapat memberi impak yang besar kepada komuniti ini.

## RUJUKAN

- Armia Rizki Adindaa, Arkanudin Arkanudin, Desca Thea Purnamac, Ignasia Debbye Batualo. (2022). Perubahan pola kehidupan masyarakat adat: Studi etnografi pada masyarakat Dayak Ribun di sekitar perkebunan kelapa sawit Parindu Kabupaten Sanggau. *Satwika: Kajian Ilmu Budaya dan Perubahan Sosial*. 6(2), 242-254.
- Haslina Halim. (2018). *Komunikasi dalam Konteks Budaya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Joni Indra Wandu, Nora Afnita & Hefni. (2021). Functional Structure Emile Durkheim Reviewed from Educational Anthropology on Character and Behavior Society. *Ikhtisar Jurnal Pengetahuan Islam*, 1(1), 39-51.

- Kaliappan, P.D., Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. (2021). Selektor yang Mempengaruhi sistem Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Telegu. *E-Bangi, Special Issue: Social Contemporary Issues*. 18(7), 243-258.
- Matthew B. Miles, A. Michael Huberman & Johnny Saldana. (2014). *Qualitative Data Analysis, A Methods Sourcebook (3<sup>rd</sup> Ed)*. California: SAGE Publications, Inc.
- Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain. (2017). Konsep komuniti dan perkembangannya: suatu tinjauan kritikal terhadap Penggunaannya. *Journal of Social Sciences & Humanities*. 12(3), 1-15.
- Yahaya Ibrahim. (2009). *Komuniti, Pembangunan dan Transformasi*. Bangi:UKM.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Zin Nordin & Mohd. Taib Ariffin. (2012). *Kemahiran Komunikasi*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Novri Susan, (2019). *Sosiologi Konflik: Teori-teori dan Analisis*. Jakarta Timur: Penerbit Kencana
- Prithini Deepa A/P Kaliappan, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. (2021). Selektor yang mempengaruhi sistem panggilan kekeluargaan masyarakat Telugu. *Journal of Social Sciences & Humanities*. 18(7): 243-258.
- Richard T. Schaefer. (2008). *Sociology, 11<sup>th</sup> (ed)*. New York: McGraw Hill Higher Education.
- Sherrylyn, K., & Adnan Jusoh. (2021). Manifestasi status sosial berdasarkan tradisi pengebumian tradisional masyarakat Melanau. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. 5(2), 63-75
- Simangunsong, H., & Sihotang, M. (2022). Exploring Parenting Styles and Their Impact on Child Development in the Community. *Jurnal Sosial, Sains, Terapan dan Riset (Sosateris)*. 10(2), 105-119.
- Ummu Hanis Jeffri Ahmad Fahmi Mahamood Abdul Rahman Abdul Manaf Abdul Jalil Ramli Tengku Kastriafuddin Tengku Yakob. (2021). Fenomena Berita Palsu dalam Media Sosial sepanjang Musim Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*. 5(16), 50-80.
- Zakiah Jamaluddin. (2015). *Perancangan dan Pembangunan Komuniti*. Sintok: UUM.